



SIARAN AKHBAR

S.A. 2021/07/104 (HQ)

TNB GENCO & ALLO SUMBANG PEK MAKANAN BUAT BARISAN HADAPAN DI PPV

- Pek makanan diserahkan di PPV UM, MITEC dan Stadium Nasional Bukit Jalil

Demi menghargai pengorbanan petugas barisan hadapan, anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyumbang pek makanan di tiga Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di sekitar Kuala Lumpur.

Melalui inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR), TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) menyerahkan 150 pek makanan di PPV di Universiti Malaya (UM) pada 9 Julai 2021 dan 420 pek di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) pada 14 Julai 2021.

Satu lagi anak syarikat milik penuh TNB, Allo Technology Sdn Bhd (Allo) pula menyampaikan 80 pek makanan di PPV Stadium Nasional Bukit Jalil pada 16 Julai lalu.

Sumbangan pek makanan ini adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan di PPV di saat negara sedang bergelut dengan pandemik COVID-19.

Inisiatif ini juga sebahagian daripada usaha TNB bagi menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di bawah aspek menyelamatkan nyawa.

PPV UM menerima 3,000 penerima vaksin sehari manakala PPV MITEC dan Stadium Nasional Bukit Jalil masing-masing menerima 10,000 orang dalam satu-satu hari.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Julai 2021, jam 2:00 petang
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid 013-3626923 /
Grace Tan 016-6626229 / Nasir Aziz 018-9434524
atau emel kami: media@tnb.com.my*



Sebagai tanda penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan petugas barisan hadapan, anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), TNB Power Generation Sdn Bhd (TNB Genco) telah menyumbang 150 pek makanan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Universiti Malaya pada 9 Julai lalu dan 420 pek di PPV Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) pada 14 Julai 2021.



Anak syarikat Tenaga Nasional Berhad (TNB), Allo Technology Sdn Bhd (Allo) menyerahkan 80 sumbangan pek makanan bagi petugas barisan hadapan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Nasional Bukit Jalil.

Sumbangan ini adalah sebahagian daripada usaha TNB bagi menyokong Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan menjayakan Pelan Pemulihan Negara (PPN) di bawah aspek menyelamatkan nyawa.